



SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Dikemaskini pada 16 November 2020

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Perkhidmatan Perlu & rantaianya
- Mendapatkan rawatan kesihatan

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	Kawasan yang diisytiharkan oleh Kerajaan sama ada daerah, mukim atau kawasan bersasar seperti kampung, taman perumahan, rumah pangsa/kondominium, premis dan lokaliti.
Tempoh kuatkuasa	Berdasarkan tarikh dan tempoh masa yang diisytiharkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA. • Laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. • Semua penduduk di dalam kawasan PKPD TIDAK DIBENARKAN keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing kecuali seorang (1) sahaja wakil isi rumah dibenarkan keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan dan keperluan asas dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang. • Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, DIBENARKAN setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
Saluran Makanan dan keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi kawasan dan penduduk yang terputus bekalan makanan dan keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri/Daerah dan diagihkan oleh APM dan RELA. • Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain- lain akan diselaraskan oleh PKOB Negeri/Daerah.
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti ekonomi dan rantaian tertakluk dengan kebenaran Kerajaan. • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah TIDAK DIBENARKAN. • Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM. • Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.